

10/01/1999

Mahkamah kkuatir saksi diganggu

Khurul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Percubaan kali kedua Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk dibebaskan dengan ikat jamin gagal, sekali gus memusnahkan harapannya untuk menjalankan ibadat puasa dan menyambut Aidilfitri bersama keluarga.

Beliau yang berada dalam tahanan sejak ditangkap pada 20 September tahun lalu, mengemukakan permohonan itu kepada Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk S Augustine Paul tetapi masih gagal.

Kali pertama beliau mengemukakan permohonan ikat jamin pada 5 Oktober 1998, tetapi ditolak oleh Paul dengan alasan jika dibebaskan, Anwar akan mengganggu saksi.

Paul menggunakan alasan sama ketika menolak permohonan kali kedua itu walaupun diberi penjelasan oleh peguam bela Raja Aziz Addruse yang Anwar tidak akan mengganggu saksi kerana pendakwa sudah menutup kes.

Anwar yang kelihatan agak kecewa dengan keputusan itu, akan terus ditahan di Penjara Sungai Buloh sehingga mahkamah membuat keputusan terhadap empat tuduhan rasuah yang dihadapinya.

Pada perbicaraan minggu kesembilan itu, pendakwa memberitahu mahkamah pihaknya bercadang menutup kes selepas saksi terakhirnya, Asisten Superintendan Suryani Sungit selesai memberi keterangan.

Setakat ini, pendakwa sudah memanggil 23 saksi daripada 52 yang disenaraikan sebagai saksi pendakwa. Antara saksi yang tidak dipanggil untuk memberi keterangan adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah.

Pada minggu itu, perbicaraan adalah di sekitar keterangan Ahli Kimia Lim Kong Boon yang bermula pada 31 Disember tahun lalu. Saksi ke-21 pendakwa ini masih disoal balas pembela yang mendapat bantuan Pakar DNA, Dr Henry Roberts daripada Australia dan Dr Duncan Colin Woods daripada England.

Berikut adalah rentetan perbicaraan yang bermula pada 4 Januari 1999.